

TYT Hadir

Copy VC

## TEKS UCAPAN

# NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

---

**MAJLIS KONVOKESYEN KE 19 UTeM**  
**4 NOVEMBER 2023 (SABTU)**  
**(SESI 1 - AM)**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani  
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamt Dunia  
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat  
Salam UTeM ku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

**Yang Amat Dikasihi, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.)  
Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,  
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

Sempena pagi yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor kerana sudi bersama-sama menyempurnakan Majlis Konvokesyen UTeM kali ke 19. Serangkap pantun bagi meraikan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

**Di hujung tanjung kelam lembayung,  
Tinggi menggayat pohon celagi;  
Tun disanjung rakyat dipayung,  
Kasihnya rakyat tidak berbagi.**

Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad**

Pro Canselor UTeM

**Yang Berbahagia Dato Dr. Husaini bin Omar**

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Naib-Naib Canselor dan wakil IPTA dan IPTS

**His Excellency Dr. Tayeb A Kamali**

Recipient of the appointment of International Eminent Adjunct Professor for the Institute of Technology Management and Entrepreneurship from the United Arab Emirates.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Yang Berbahagia Dato' Abu bin Abdullah**

Penerima Gelaran Profesor Emeritus

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM,

Dif-Dif Kehormat, Wakil-Wakil Industri, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli Senat, Ahli Akademik, Pegawai Pengurusan & Profesional, Pegawai Tadbir dan Sokongan, Ibu Bapa serta Para Graduan Yang Dikasihi Sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpahan rahmat dan kurniaan dariNya jua, maka Majlis Konvokesyen pada kali ini dapat dijayakan dengan meriah dan gilang gemilang.
2. Sesungguhnya, detik bermakna ini menjadi saksi bahawa, setiap pengorbanan dan kegigihan yang telah saudara-saudari curahkan selama ini, telah pun membawa hasil. Saudara dan saudari semua telah berjaya '**menukar mimpi menjadi realiti**', apabila mengotakan impian dan janji, menjadi graduan yang berguna lagi berintegriti kepada nusa serta pertiwi. Ini membuktikan keupayaan anda semua dalam melonjakkan potensi diri agar terus cemerlang demi masa depan keluarga, masyarakat dan negara. Tahniah dan syabas diucapkan!

جامعة ملaka التقنية | UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Benarlah bagi dipantun, | **UTeM** | **TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Amanah ku galas janji dikotakan,  
Mencapai impian maruah di perkasa;  
Konvokesyen ke-19 UTeM raikan,  
Martabat graduan legasi bangsa.**

**Para Hadirin sekalian,**

3. Untuk makluman semua, Majlis Konvokesyen ke – 19 UTeM berlangsung dalam 6 sesi, selama 3 hari bermula hari ini, bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada **3,378 orang** graduan yang merangkumi 100 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 4 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 151 orang graduan Sarjana, 2,618 orang graduan Sarjana Muda dan 505 orang graduan Diploma.
4. Sesi pertama majlis konvokesyen pada kali ini bakal menyaksikan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada **Yang Berbahagia Dato' Abu bin Abdullah, Mantan Profesor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.
5. Untuk makluman bersama juga, buat pertama kalinya pada tahun ini, UTeM sudah melantik **His Excellency Dr. Tayeb A Kamali dari Emiriyah Arab Bersatu** sebagai Profesor Adjung Unggul Antarabangsa atau *International Eminent Adjunct Professor* di Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK). Welcome His Excellency Dr. Tayeb A Kamali to UTeM.
6. Bukan itu sahaja, sesi pagi ini akan menyaksikan penganugerahan kepada **255 orang graduan** Pasca Siswazah yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Ijazah Doktor Falsafah,

Ijazah Doktor Kejuruteraan dan Ijazah Sarjana. Sesi ini juga turut menyaksikan penganugerahan Hadiah Akademik Pelajar Cemerlang kepada **72 orang** graduan yang telah menepati kriteria kecemerlangan seperti mana yang ditetapkan bagi setiap kategori hadiah dan anugerah tersebut.

7. Di samping itu, UTeM juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lebih seratus rakan industri yang sentiasa memberikan sokongan berterusan kepada UTeM dalam memartabatkan lagi kecemerlangan pelajar dan graduan Universiti ini.
8. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada 4 orang graduan UTeM yang telah berjaya **bergelar hafiz dan hafizah Quran** kerana berjaya menamatkan pengajian dalam Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran UTeM dengan kerjasama Darul Quran JAKIM. Tahniah kepada saudara Aqil Haikal bin Jalasus Sayuti kerana telah terpilih sebagai penerima Anugerah Khas Huffaz Profesional.

Atas segala pencapaian itu, marilah kita beri tepukan penghargaan kepada mereka semua!

**Hadirin sekalian,**

9. UTeM sentiasa berusaha untuk meningkatkan martabat Universiti dari segi akademik, penyelidikan mahupun pembangunan sahsiah pelajar. Menyedari akan kepentingan komponen-komponen tersebut terhadap kemajuan sesebuah Universiti, Pelan Strategik UTeM 2023 -2025 telah dibangunkan dan tahun ini merupakan tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik tersebut. Berpaksikan kepada aspirasi **“Menjajar universiti, melonjak ke hadapan”**, Universiti memberi penekanan terhadap 5 teras yang mampu untuk mengangkat UTeM sebagai sebuah Universiti Teknikal yang mampu untuk mengukir nama di persada antarabangsa.
  - I. Memperkasakan TVET, meluncur kerjaya
  - II. Mempromosikan RICE, menjana pendapatan
  - III. Menjuarai khidmat insani, mengundang kesejahteraan
  - IV. Mencetuskan ekosistem rancak, melestarikan universiti
  - V. Mengembangkan nilai, menggammit kemakmuran
8. Lima Teras ini telah dirangka dengan teliti dan mengambil kira segala aspek keperluan dan kepentingan, bagi memastikan masa depan universiti terus berdaya saing, relevan, menepati kehendak pemegang taruh dan lebih terserlah di peringkat negara mahupun antarabangsa.

9. Dalam usaha merintis teknologi masa hadapan, UTeM telah membangunkan gerak kerja yang dinamik dan berstrategik, agar aspek penyelidikan dan inovasi terus makmur serta terkehadapan. Bagi tujuan tersebut, UTeM telah bergerak dinamik untuk mendapatkan geran-geran berimpak tinggi di peringkat antarabangsa.
10. Antaranya adalah geran antarabangsa yang bernilai hampir RM500,000 (USD100,420) melalui Perjanjian Kolaborasi Penyelidikan atau *Collaborative Research Agreement* (CRA) dengan Semiconductor Components Industries, LLC, USA dan On Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd. Penerimaan dana ini ialah bagi kerjasama penyelidikan yang memfokuskan kepada pembangunan dan penyelidikan bidang fabrikasi dan ujian IC berdasarkan *Silicon Carbide Power Devices* untuk tempoh satu tahun bermula pada 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2024.
11. Selain itu, UTeM juga telah menerima geran antarabangsa *Science and Technology Research Partnership for Sustainable Development* (SATREPS) dengan jumlah dana hampir RM5 juta untuk tempoh lima tahun bermula pada 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2028. Untuk projek ini, UTeM bekerjasama dengan dengan Kindai University (KINDAI), Jepun dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dengan tujuan menjalankan penyelidikan bagi Program Penyelidikan Antarabangsa *Japanese Technical Cooperation for “Real- Time*

*Lightning 3D Imaging and Forecasting Project for Sustainable and Reliable Supply of Energy and Storm Disaster Early Warning".*

### **Sidang Hadirin Sekalian,**

12. UTeM sangat mengambil berat terhadap hal ehwal kebajikan pelajar. Berhadapan dengan cabaran dan halangan ekonomi, terdapat ramai rakyat Malaysia yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah tidak berkemampuan untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Menyedari perkara tersebut, UTeM telah mengambil langkah proaktif dengan menyalurkan peruntukan untuk membantu mereka menyambung pelajaran. Antara program yang telah dan akan dijalankan bagi tujuan tersebut adalah:

- a) **Program Anak Emas** di mana 3 orang pelajar B40 telah ditaja sepenuhnya sepanjang menjalankan pengajian di UTeM. Tajaan yang diberikan termasuk yuran pengajian dan elaun bulanan berjumlah RM94,000.00.
- b) **Program SULUNG** di mana seramai 236 pelajar akan dibantu dari segi yuran pengajian dan keperluan sepanjang menyambung pelajaran di UTeM. Bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan, sebanyak RM 2juta telah diperuntukkan khas untuk membantu pelajar dalam menyambung pengajian.
- c) **Program Dermasiswa TVET B40** di mana 8 orang pelajar diploma UTeM telah mendapat tajaan sepanjang pengajian di UTeM dengan jumlah RM23,424.00. Program ini diwujudkan khas

bagi membantu pelajar untuk menyambung pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

12.Bukan itu sahaja, berbekalkan semangat TUAH iaitu **tangkas, unggul, adaptif dan holistik**, siswa dan siswi UTeM kekal mencipta pelbagai kejayaan di persada antarabangsa sekali gus menzahirkan aspirasi lapan dimensi TUAH UTeM. Pencapaian cemerlang tersebut, antaranya adalah:

- i. Pingat Gangsa Sukan SEA 2023 dalam acara E-Sports
- ii. Tempat ke-5 Sukan Asia 2023 dalam acara Kabaddi, dan
- iii. Tempat ke-6 Sukan SEA 2023 dalam acara merejam lembing

13.Alhamdulillah hasil daripada perancangan dan pelaksanaan yang jitu daripada warga Universiti, UTeM buat pertama kalinya telah tersenarai dalam **QS World University Rankings** bagi tahun 2024. Satu pencapaian yang sangat membanggakan sepanjang penubuhan UTeM. Bukan itu sahaja, UTeM juga telah mendapat Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) membuktikan bahawa UTeM telah mencapai kategori berdaya saing. Penarafan yang telah diterima UTeM membuktikan bahawa UTeM sentiasa progresif dalam memastikan kemajuan institusi pendidikan tinggi seterusnya melahirkan graduan yang berkaliber dan menjadi buruan industri.

**Para graduan yang dikasihi,**

14. Cinta seorang ibu itu menghangatkan, cinta seorang ayah itu menguatkan. Tidak kira di mana kita berada, tinggi maupun rendah, kaya maupun miskin. Jangan sesekali melupakan **jasa dan pengorbanan ibu bapa**. Sesunguhnya mereka merupakan guru pertama yang mengajar kita untuk berdepan dengan cabaran dan godaan dunia. Sentiasalah pulang ke pangkuhan mereka. Insyaallah tangan yang pernah mendukung pada satu ketika dahulu akan sentiasa terbuka untuk menyambut kepulangan anda.

15. Bukan itu sahaja, bagi lilin membakar diri. Sentiasalah **mengingati jasa yang telah dicurahkan oleh guru-guru dan pensyarah-pensyarah** yang telah berkorban untuk memastikan kejayaan anda. Jauh dari keluarga yang berada di perkampungan, mereka inilah yang pernah menjadi ibu-bapa dan sahabat anda sepanjang berada di perantauan.

16. Sentiasalah **menjaga nama baik UTeM**. Sesunguhnya anda semua mendokong satu legasi perwira tanah Melaka iaitu **TUAH UTeM**. Kemana pun anda berada, baik di dalam negara maupun nun jauh di perantauan, darah TUAH sentiasa mengalir di dalam sanubari anda semua. Jadilah alumni TUAH UTeM yang sentiasa **berbahasa kepada yang memberi, dan berbudi kepada pihak yang mewadahi**.

**Hadirin dan Hadirat, Para Graduan yang dikasih sekalian,**

- 17.Kepada para pensyarah dan warga fakulti, syabas saya ucapkan atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan demi membentuk dan memperkasa kemahiran dan bakat insan yang holistik untuk masa hadapan. Semoga Allah memberi rahmat atas segala usaha gigih tuan-tuan dan puan-puan dalam menghasilkan graduan yang dinamik, berilmu dan berdaya maju.
- 18.Semestinya majlis ini dinantikan. Ia menjadi **kenangan terindah buat seluruh para graduan, ibu bapa, dan keluarga. Ada yang datang dari kampung, desa, bandar dan pendalaman. Ada asal usulnya keluarga FELDA, anak petani, ada anak nelayan, hatta anak penoreh getah sekalipun, itu bukan halangan untuk berjaya.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Sekalung tahniah dan syabas kepada graduan UTeM!**

- 19.Ingatlah walaupun anda telah menamatkan pengajian di UTeM, peluang anda untuk membantu UTeM mencipta kejayaan demi kejayaan masih terbuka luas iaitu menerusi penglibatan dalam Persatuan Alumni UTeM dan sumbangan ikhlas yang berterusan melalui tabung wakaf serta endowmen UTeM bagi merancakkan lagi aktiviti kesarjanaan ilmu di UTeM.

- 20.Biar di mana sekalipun saudara-saudari berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UTeM di sudut hati anda. Biarlah UTeM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang anda lakukan.
- 21.**Kembalilah ke bumi bersejarah Melaka, dan pulanglah ke Kampus berTUAH UTeM. *UTeM is Melaka, Melaka is UTeM*. Ini keluarga UTeM kita...*UTeM Myhome*.**
- 22.*To our honoured guest, his excellency Dr. Tayeb A Kamali, congratulations on your appointment as the International Eminent Adjunct Professor for the Institute of Technology Management and Entrepreneurship. I sincerely hope your appointment will expedite a closer relationship between the UAE and UTeM, Melaka and Malaysia.*
- 23.*Through our strong relationship, 23 PhD students from the United Arab Emirates are graduating today. With your appointment, we hope to see more postgraduates' students from the UAE in UTeM.*

**Tuan Yang Terutama Tun Canselor,**

Sekian sahaja ucapan saya. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor atas kesudian hadir ke Majlis Konvokesyen UTeM Ke-

Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya sudahi ucapan dengan *Wabillahitaufik Walhidayah*  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

